

28 JAN 1999

Moggie-Sirim

SIRIM AKAN AMBIL ALIH BEBERAPA TUGAS JABATAN TELEKOM

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Sirim Bhd dijangka mengambil alih beberapa tugas Jabatan Telekom apabila jabatan itu menamatkan operasinya 1 April ini untuk membolehkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia memulakan perkhidmatannya.

Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos Datuk Leo Moggie berkata rundingan sedang dijalankan untuk Sirim mengambil alih beberapa tugas yang kini dikendalikan oleh jabatan itu, terutama dalam meluluskan peralatan.

"Yang pentingnya, Sirim sudah mempunyai fungsi ini dalam industri yang lain. Pihak kementerian dan agensi berkaitan sedang melihat sama ada ini cara yang terbaik," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan e-mail pertama Malaysia untuk komputer peribadi "Easy Reach" di sini hari ini.

Moggie berkata ketika ini, kelulusan dan ujian peralatan telefon dan peralatan kecil komunikasi dilakukan oleh Jabatan Telekom sebelum ia boleh digunakan di negara ini.

"Saya tidak nampak perkara ini perlu dilakukan oleh pihak suruhanjaya. Sirim mempunyai kapasiti melakukannya manakala pihak suruhanjaya boleh membabitkan diri dengan perkara lebih mencabar, seperti berunding dengan negara dan perusahaan lain, daripada masalah yang ada kaitan dengan soal teknikal," kata beliau.

Moggie berkata suruhanjaya itu akan memulakan tugasnya seperti yang dijadualkan pada 1 April, yang mana Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1981, digantikan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Ketika ini, kata Moggie, pihaknya sedang menyusun struktur kakitangan suruhanjaya itu dan menambah satu taklimat dan bengkel mengenainya akan diadakan pada minggu ketiga bulan depan.

"Kita akan menerangkan kepada pihak-pihak berkenaan dan berharap mendapat maklumat daripada mereka. Ini untuk membantu kita membuat draf terakhir berhubung beberapa peraturan yang perlu disusun," kata beliau.

Penubuhan suruhanjaya ini telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober lepas. Ia akan menjadi badan pengawas tunggal berhubung kegiatan komunikasi dan multimedia.

Moggie juga berkata lima projek perintis telah dikenalpasti dibawah rancangan memohon teknologi alternatif bagi memperluaskan penggunaan Teknologi Maklumat untuk penduduk yang tinggal di luar bandar.

"Kita berharap dapat memulakannya bulan depan. Kita perlu tahu cara yang diperlukan oleh orang ramai. Projek perintis ini akan memberi kita beberapa idea," kata Moggie, yang juga pengerusi Pasukan Petugas Masyarakat Elektronik.

-- BERNAMA

AR AHH zb